



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	21/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	JPNK		

Laporan polis jika kaitkan aktiviti pembalakan dengan kepala air

ALOR SETAR - Pihak yang berterusan mendakwa kerajaan negeri Kedah membenarkan aktiviti pembalakan di Gunung Jerai sehingga berlaku fenomena kepala air akan dipantau bagi mengelakkan berlaku kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Ketua Pegawai Khas kepada Menteri Besar Kedah, Zulkifli Yahaya berkata, Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor dan beberapa agensi berkaitan telah mengesahkan tiada aktiviti pembalakan sama ada berlesen atau haram di Hutan Simpan Gunung Jerai.

Menurutnya, hutan itu diwartakan sebagai Hutan Perlindungan.

"Laporan polis telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar pada Khamis," katanya.

Zulkifli berkata, laporan itu dibuat agar tindakan diambil terhadap beberapa pemilik akaun Facebook terbabit kerana memuat naik hantaran yang mengelirukan, menghasut serta menimbulkan kemarahan orang ramai.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor turut menegaskan tiada aktiviti pembalakan di kawasan Hutan Simpan Gunung Jerai yang dikaitkan menjadi punca tragedi kepala air di gunung tersebut pada Rabu lalu.

Beliau berkata, punca sebenar kejadian kepala air terburuk itu tersebut disebabkan kadar taburan hujan lebat luar biasa di kawasan puncak gunung yang menyamai 10 peratus kadar hujan di negeri ini.

